

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMS 213 – Sejarah Politik Malaysia Modern**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Malaysia merupakan sebuah ‘negara Islam’ yang dinamik dan progresif. Ulaskan pernyataan ini.

(25 markah)

2. Menurut W.R. Roff, kesetiaan politik orang Melayu kepada raja-raja Melayu dan pembesar-besarnya menjadi faktor penghalang kepada pertumbuhan dan perkembangan semangat nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, sedangkan Abdul Rahman Haji Ismail melihat cabaran golongan peranakan dan bangsa asing ke atas politik Tanah Melayu sebagai faktor utama terhalangnya pertumbuhan dan perkembangan semangat nasionalisme Melayu tersebut.

Pandangan sarjana manakah yang lebih tepat bagi menggambarkan lambatnya pertumbuhan dan perkembangan nasionalisme Melayu? Berikan alasan-alasan anda.

(25 markah)

3. Mengikut Loh Kok Wah, salah faham dalam beberapa dasar kerajaan pusat telah menyebabkan wujudnya ‘nasionalisme Kadazan’ di Sabah sejak tahun 1963. Bahaskan pendapat ini.

(25 markah)

4. T.J. Bellows telah mengemukakan ‘Teori Breakaway’ sewaktu merujuk peristiwa perpisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965. Jelaskan teori tersebut dengan lebih lanjut dan bincangkan sejauh manakah teori tersebut dapat dipertahankan.

(25 markah)

5. Krisis politik yang berterusan di Sarawak dari tahun 1965 hingga tahun 1970 adalah kerana campur tangan kerajaan Persekutuan terhadap pergolakan politik di Sarawak. Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Jelaskan dengan merujuk kepada krisis-krisis politik yang berlaku di Sarawak sepanjang tempoh tersebut.

(25 markah)

6. Perlaksanaan konsep federalisme di Malaysia banyak bergantung kepada faktor politik. Sejauh manakah pernyataan ini benar? Perbincangan perlu disertakan dengan contoh-contoh peristiwa politik yang berkaitan dengan konsep federalisme di Malaysia.

(25 markah)